

20/07/2002

Konsert amal untuk bantu Ras Adiba

Hanisah Selamat

PENDERITAAN bekas pengulas sukan TV3, Ras Adiba Radzi yang lumpuh dari pinggang ke kaki dan menanti waktu menjalani pembedahan di Australia minggu depan mendapat perhatian pelbagai pihak termasuk rakan artis.

Bukan sekadar orang perseorangan atau pertubuhan, sekumpulan artis yang diketuai pelakon Didie Alias turut berhasrat membantunya menerusi penganjuran konsert amal yang dijadualkan pada 3 Ogos ini.

"Kami akan bekerjasama dengan syarikat Ras Productions untuk menjayakan persembahan ini. Mengikut cadangan, ia bakal berlangsung dari pagi hingga malam. Ramai selebriti tanah air dijangka menyertai acara ini.

"Jadi kami mengalu-alukan penyertaan mana-mana artis yang sudi tampil sama ada menyanyi, membaca sajak atau sebagainya," katanya ketika melawat Ras Adiba di Pusat Perubatan Pantai, Bangsar Kuala Lumpur, kelmarin.

Didie berkata, artis atau persatuan yang berminat untuk memeriahkan konsert ini boleh berhubung terus dengannya atau menerusi Ras Productions.

"Kami berbesar hati apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sama-sama berganding bahu ingin menjayakan konsert ini. Tempat berlangsung konsert adalah di Auditorium DBKL," katanya.

Sementara itu, Ras Adiba yang ditemui menyatakan rasa terharu di atas keprihatinan orang ramai yang menghulurkan sumbangan serta mengirimitkan kad ucapan.

Biarpun berhadapan dugaan hidup yang perit, personaliti TV yang pernah beraksi dalam teater Inggeris berjudul Jebat itu tetap ramah melayani pelawat malah sempat bergurau.

Sekali gus ketenangan yang terserlah di wajah pengacara dan pencinta sastera itu menunjukkan semangat kentalnya melawan kesakitan.

Sejak kisah penderitaannya disiarkan melalui media pada 16 Julai lalu, ramai yang menghulurkan sumbangan dan hingga kelmarin sebanyak RM160,000 dapat dikumpulkan.

Pada hari yang sama, kira-kira jam 7 petang, Ras Adiba turut dikunjungi tetamu istimewa iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memperuntukkan hampir sejam berbual dengannya sejurus sekembali dari Putrajaya.

"Saya terharu dengan kunjungan Perdana Menteri dan terima kasih juga pada mereka yang tidak putus memberi semangat. Walaupun hebat dugaan ini, ia ujian yang perlu saya hadapi," katanya tenang.

Pada masa sama, Ras Adiba turut meluahkan hasrat untuk membukukan kisah hidupnya sebaik saja sembuh nanti selain menyiapkan antologi puisi terbaru berjudul Kalau Kau Mahu.